



Noor
Mohamad
Shakil
Hamee

Mengikut rekod Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebanyak 4,652 kes penderaan kanak-kanak direkodkan sepanjang 2015 hingga tahun lalu.

Daripada jumlah itu, penderaan fizikal mencatatkan kes paling tinggi iaitu 2,470 kes manakala 2,012 kes penderaan seksual selain penderaan emosi 170 kes.

Antara faktor utama yang dikenal pasti perbalahan keluarga serta pengabaian dan kecuaian ibu bapa atau penjaga seperti kejadian kanak-kanak ditinggalkan tanpa pengawasan, ditinggalkan dalam kereta, terjatuh dari eskalator, terjatuh dari bangunan dan membiarkan kanak-kanak keluar ke kedai untuk membeli barang keperluan bersendirian.

Secara jujurnya penulis cukup keliru dan risau dengan masalah sosial ini yang dilihat begitu kuat mencengkam masyarakat kita. Keliru kerana tidak pasti apa punca sebenar masalah ini dan risau kerana kes penderaan semakin meningkat. Ternyata rata-rata semua pihak hanya mampu menggeleng kepala apabila didedahkan dengan kes penderaan terbaru kerana kita jelas tidak mampu menanganinya dengan berkesan. Apa yang kita mampu buat saling menudung jari menyalahkan orang lain. Masyarakat menyalahkan pihak berkuasa konomnya tindakan pihak berkuasa kurang berkesan. Masyarakat juga menyalahkan si pelaku atau pendera terbabit dengan pelbagai tuduhan tanpa menyedari betapa pendera itu sebahagian daripada masyarakat. Pihak berkuasa pula menyalahkan masyarakat kerana dikatakan kurang bertanggungjawab dan tidak memainkan peranan sekurang-kurangnya sebagai pelapor jika terdapat kes penderaan di sekitar mereka. Masing-masing ada alasan yang kukuh untuk menyalahkan pihak yang lain. Namun, realitinya kenapa kita belum sedar

betapa empat lagi jari masih jelas terarah kepada kita?

Semua pihak perlu sedar tanggungjawab untuk menangani masalah sosial ini perlu dipikul secara bersama oleh semua kumpulan yang terlibat. Kita percaya baik individu, masyarakat, agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan semuanya mempunyai niat dan azam yang sama iaitu ingin mencegah kes penderaan daripada terus berlaku dan seterusnya menjaga dan melindungi keselamatan dan kebajikan anak-anak kita.


Anak adalah anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya. Masih ramai pasangan yang berumah tangga belum dikurniakan anak dan sangat berharap dapat menimang cahaya mata. Ibu bapa pula diamanahkan untuk mencorak masa depan anak mereka yang umpama kain yang putih. Dalam situasi ini kenapa anak terus diperlakukan seperti binatang? Tak kisahlah walaupun kita ini bukan darah daging dia sekalipun di mana hilangnya nilai kemanusiaan yang ada dalam diri kita sehingga kita tergamak mendera anak kecil yang tidak berdosa. Apakah semakin kita maju ke hadapan aspek nilai dan kemanusiaan semakin terhakis dalam diri kita? Dan apakah masyarakat juga sudah tidak peduli dengan apa yang berlaku di sekitar mereka? Masing-masing dilihat terlalu sibuk mengejar kemewahan sehingga sudah tidak mempunyai masa untuk bersosial dengan jiran tetangga. Akibatnya ada jiran yang langsung tidak tahu anak jiran mereka didera sehingga kes tersebut dibongkar oleh pihak berkuasa. Inilah realiti yang berlaku dalam masyarakat kita. Maka ada dua aspek yang perlu kita beri perhatian dalam hal ini. Pertama ialah budi pekerti masyarakat kita yang sanggup melakukan penderaan dan kedua ialah sikap masyarakat kita yang sudah tidak peduli dengan apa yang berlaku di sekitar mereka.

Maka di sinilah kita menuntut peranan masyarakat agar lebih proaktif dan bersikap ambil peduli dengan masalah yang berlaku di sekeliling kita. Ambil peduli dengan kes penderaan dan bertindak segera sebelum terlambat. Ini



Ambil peduli kes penderaan kanak-kanak

FAKTA
Sebanyak 4,652 kes penderaan kanak-kanak direkodkan sepanjang 2015 hingga tahun lalu



tanggungjawab sosial dan juga moral setiap individu.

Kebanyakkannya kes penderaan membabitkan keluarga bermasalah seperti ibu bapa bercerai, dada, mengalami desakan hidup dan kesempitan kewangan yang serius. Sebagai langkah awal mungkin kita mampu memantau di seluruh

terbabit dalam hal ini perlu bekerjasama dan daripada peringkat awal lagi memantau keluarga bermasalah seperti ini dalam rekod masing-masing. Memang betul tidak semua direkodkan ataupun mana mungkin kita mampu memantau di seluruh

pelosok negara, tetapi janganlah jadikan itu sebagai alasan sehingga kita langsung tidak ada inisiatif dan usaha walaupun sedikit. Dalam pada itu penulis juga percaya banyak lagi idea boleh difikirkan andai semua agensi penguatkuasaan termasuk jabatan agama

dapat duduk bersama dan berbincang secara serius kes penderaan ini.

Pada masa sama, aspek penguatkuasaan juga perlu diteliti semula. Kita sememangnya memuji pihak berkuasa yang sering bertindak dengan begitu pantas dan efisien dalam menangkap dan membawa pendera kanak-kanak ke muka pengadilan. Tetapi adakah itu saja yang kita mampu lakukan? Jelas ini tindakan pembetulan iaitu tindakan selepas sesuatu kes penderaan itu sudahpun berlaku atau dalam erti kata lain nasi sudah menjadi bubur. Justeru apa yang kita harapkan seboleh-bolehnya kita hendak menghalang atau mencegah daripada berlakunya kes penderaan ini. Maka apa caranya untuk kita menghalang atau mencegah? Itu yang perlu diberi perhatian dan difikirkan oleh semua agensi penguatkuasaan yang terlibat.

Cukup-cukuplah dengan kes penderaan yang berlaku selama ini. Kita tidak mahu statistik tersebut terus

meningkat kerana ia bukanlah suatu rekod yang perlu dibanggakan. Marilah kita memasang azam dan tekad untuk menangani kes penderaan secara lebih serius demi memastikan keselamatan dan kebajikan generasi pewaris negara ini terus dipelihara.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM